

D790

B B595 AAB
MAHATHIR - SEMINAR R R R
DARIPADA WAN A.HULAIMI
(I)

LONDON, 22 JULAI (BERNAMA) -- MALAYSIA SEDANG +MENIMBANGKAN SECARA AKTIF+ KEMUNGKINAN MENURUNKAN CUKAI KORPORAT MEMANDANGKAN PERSAINGAN DARIPADA NEGARA-NEGARA JIRAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, BAGAIMANAPUN, IA PERLU DIKAJI DENGAN MENDALAM KERANA CUKAI ITU MEMBERI PENDAPATAN BESAR KEPADA KERAJAAN. BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA MENJAWAB SATU SOALAN PADA SEMINAR PELABURAN MALAYSIA DI SINI.

PADA KETIKA INI, CUKAI KORPORAT MALAYSIA MERUPAKAN YANG TERTINGGI DI ASEAN.

KETIKA MENJAWAB SOALAN LAIN DARIPADA SEORANG YANG BERKATA SELAMA 10 TAHUN BELIAU MENJALANKAN PERNIAGAAN DI MALAYSIA BELIAU TIDAK PERNAH MENEMUI KEGIATAN RASUAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN BERSIKAP REALISTIK DAN MENAMBAH KATA BAHAWA RASUAH WUJUD DI MALAYSIA. -- LAGI
2254MST 22 07 87

D792

B B596 AAB
MAHATHIR - SEMINAR 2 LONDON
(I)

+MUNGKIN ANDA BERNASIB BAIK,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RASUAH DI MALAYSIA TIDAK BEGITU TERUK BERBANDING DENGAN SESETENGAH NEGARA.

+DAN KAMI MEMPUNYAI SEBUAH BADAN YANG MENGAWASI KEGIATAN ITU,+ KATANYA.

KATANYA, BELIAU SENDIRI DITUDUH MENGAMALKAN RASUAH TETAPI APABILA ORANG YANG MENDAKWA ITU DIMINTA MEMBUKTIKANNYA, DIA TIDAK DAPAT BERBUAT DEMIKIAN.

+BAGAIMANAKAH DAPAT SAYA BUKTIKAN BAHAWA SAYA TIDAK MEMPUNYAI AKAUN BERNOMBOR DI BANK SWITZERLAND? TANYA BELIAU. -- LAGI
2257MST 22 07 87

D794

B B597 AAB
MAHATHIR - SEMINAR 3 LONDON
(I)

PARA HADIRIN TERTAWA APABILA BELIAU BERKATA MUNGKIN ADA PIHAK MENDAKWA MENGUTIP WANG BAGI PIHAKNYA SEHINGGA +MEREKA MENDAPAT WANG DAN SAYA MENDAPAT NAMA BURUK.+

BELIAU MENGGESA PARA PELABUR DI EROPAH SUPAYA MELAPORKAN KEPADA PIHAK BERKUASA JIKA ADA ORANG MEMINTA BAYARAN. -- BERNAMA
2259MST 22 07 87